

Semua 'team' Presiden: Saifuddin

Putrajaya: "Semua adalah 'team' Presiden," kata Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail apabila ditanya berkenaan wujud dua kumpulan, iaitu 'team Anwar' dan 'team Azmin' dalam PKR.

Katanya, persoalan mengenai kem memihak pemimpin tertentu seperti kali ini yang membabitkan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalannya, Datuk Seri Mohamed Azmin Azli, sudah lama didengar sejak awal penubuhan parti itu lagi.

Tak perlu sumpah laknat

"Semua (ahli PKR) adalah 'team' presiden," katanya yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada sidang media selepas melancarkan Garis Panduan Pematuhan Standard-Filem Penghadang Haba Kenderaan, di sini semalam.

Mengenai penyebaran video lucah dikaitkan dengan Mohamed Azmin, Saifuddin menegaskan, Timbalan Presiden PKR itu tidak perlu membuat sumpah laknat kerana ia bukan amalan dalam Islam dan parti, hanya amalan orang Melayu.

Ditanya sama ada partinya mampu menangani isu klip video itu tanpa membabitkan Pakatan Harapan (PH), beliau berkata, PKR menyerahkan kepada polis untuk menyiasat kes terbabit.